

Bab 1

PENDAHULUAN

Firman Allah S.W.T. :

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُفٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Mafrumnya : “Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.”

(Surah Al-Asr, Ayat 1-3)

PENGENALAN

Bab ini menjelaskan tentang tujuan, skop dan kaedah penyediaan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (MPPW) di samping menghuraikan serba sedikit tentang peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf di Malaysia. Selain itu, ianya juga menjelaskan tentang pensyariatkan wakaf dalam agama Islam dan sejarah perakaunan Islam. Isu-isu perakaunan wakaf pada masa ini dan matlamat penyeragaman perakaunan wakaf turut dinyatakan dalam bab ini.

TUJUAN

MPPW ini bertujuan untuk:-

- i) Mewujudkan prosedur perakaunan wakaf yang seragam dan piawai;
- ii) Memberi panduan kepada pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pengurus wakaf tentang tatacara mentadbir serta mengurus hal-ehwal berkaitan perakaunan wakaf;
- iii) Membantu pegawai MAIN dan pengurus wakaf untuk meningkatkan kecekapan pengurusan perakaunan wakaf; dan
- iv) Meningkatkan ketelusan dalam penyediaan penyata kewangan wakaf MAIN.

SKOP MPPW

MPPW ini menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan perakaunan harta wakaf sahaja.

KAEDAH PENYEDIAAN MPPW

Penyediaan MPPW ini diurusetikan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan input daripada MAIN, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara Malaysia, Universiti Teknologi Mara (UiTM) serta kepakaran Syariah dari pelbagai universiti tempatan. Beberapa siri perbincangan dalam bengkel telah diadakan seperti berikut:-

- i) 22-24 Mei 2006, di Langkawi, Kedah;
- ii) 13-15 Mac 2007 di Bukit Merah Laketown, Perak;

- iii) 9-11 Julai 2007 di Hotel Putra, Kuala Lumpur; dan
- iv) 22-24 Ogos 2007 di Hotel Empress, Sepang.

Pada siri perbincangan tersebut telah dapat dikumpul dan disatukan kepakaran serta pengalaman mereka yang terlibat dalam menyediakan MPPW ini.

MAIN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH TUNGGAL

- i) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah badan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Secara umumnya di Malaysia, semua akta/enakmen negeri telah memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas. Selain daripada itu, MAIN juga menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua nazar am dan semua amanah khairat yang diwujudkan di negeri berkenaan yang bertujuan untuk kemajuan Islam dan umatnya, (Ketetapan ini dapat dilihat seperti di bawah peruntukan Seksyen 61, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) dan Seksyen 83, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No. 10 tahun 2003).
- ii) Peruntukan Seksyen 32, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999, juga menyatakan bahawa "Walau apa pun jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak di dalam Negeri Selangor".
- iii) Umumnya, MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf ini berperanan sebagai pentadbir wakaf yang bertanggungjawab memelihara, membangun dan

menguruskan harta wakaf. Ini termasuklah mengusahakan hartanah, mempertahankan dan mengambil tindakan mahkamah bagi kepentingan wakaf tersebut, mengumpul dan mengutip hasil, menuntut sewa bagi hartanah yang diduduki, dan menguruskan pembahagian atau penyerahan hasil/manfaat wakaf itu kepada pewaris yang diikhaskan oleh pewakaf ataupun untuk pelbagai tujuan kebajikan. Apa yang penting sekali dalam pelantikan MAIN ini adalah untuk mengelakkan daripada pelbagai masalah yang mungkin timbul melalui pelantikan pemegang amanah persendirian yang dibuat oleh pewakaf sebelum ini.

- iv) Dalam menjalankan tugas sebagai pentadbir harta wakaf, MAIN sentiasa mengambil sikap berhati-hati dan memajukan harta wakaf dengan cara yang terbaik bagi memastikan harta itu berkekalan dan meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqh *Tasarruf al imam manuttun bil' maslahah* (tatacara pengurus mestilah mengikut kepentingan masyarakat).

DALIL-DALIL PENSYARIATAN WAKAF

Terdapat dalil-dalil Al-Quran dan Hadis Rasullullah S.A.W. yang menunjukkan bahawa wakaf adalah suatu amalan yang amat digalakkan oleh Islam. Ganjaran pahala wakaf kepada pewakaf berkekalan dan berpanjangan. Antaranya ialah :

Firman Allah S.W.T. dalam surah Ali-Imran Ayat 92 :

لَنْ نَسْأَلَكَ الْفِرْحَ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا حُبُّونَ^٤ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ^٥

Mafhumnya : “Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Baqarah Ayat 261 :

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ
سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ
عَلِيمٌ

Mafhumnya : “Bandingan pahala orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah umpama sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, dan pada tiap-tiap tangkai itu ada seratus biji dan Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki. Dan Allah Maha Luas (Kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”

Sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Muslim:

عن أبي هريرة رضى الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال ((إذا مات الإنسان انقطع عنه عمله إلا من ثلاثة : صدقة جارية أو علم ينتفع به أو ولد صالح يدعو له)).

Maksudnya : Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda: “Apabila mati anak Adam, akan terhentilah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak soleh yang mendoakannya”

Menurut pandangan ulama' maksud sedekah jariah di dalam hadis di atas ialah amalan berwakaf. Wakaf adalah merupakan sedekah jariah (sadaqah jariah) yang sangat digalakkan oleh Islam di mana ianya dapat memberi pahala secara kekal dan berpanjangan kepada pewakaf selagi mana harta yang diwakafkan dapat dimanfaatkan secara kekal oleh penerimanya

(Mawquf 'alaih) samada melibatkan Wakaf Am atau Wakaf Khas.

RUKUN DAN PRINSIP WAKAF

Pelaksanaan wakaf perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan Syarak.

i) Rukun-Rukun Wakaf

Rukun-rukun wakaf adalah seperti berikut:

- a. Pemberi wakaf (al-Waqif);
- b. Penerima wakaf (al-Mawquf 'alaih);
- c. Barangan yang diwakafkan (al-Mawquf); dan
- d. Ikrar atau sighth wakaf.

ii) Prinsip Undang-undang Wakaf

Terdapat 3 prinsip undang-undang wakaf yang perlu dipenuhi dalam suatu pelaksanaan wakaf iaitu:

- a. Harta wakaf tidak boleh dijual;
- b. Harta wakaf tidak boleh diberikan (dihibahkan) kepada orang lain; dan
- c. Harta wakaf tidak boleh diwarisi.

TAKRIF DAN SEJARAH PERAKAUNAN ISLAM

i) Takrif Perakaunan Islam

Perakaunan Islam boleh ditakrifkan sebagai suatu pengiraan hasil-hasil pekerjaan yang halal menurut

kaedah Syarak yang dijalankan berdasarkan perbandingan pendapatan dan perbelanjaan.

Manakala, Perakaunan Wakaf pula boleh ditakrifkan sebagai prosedur asas piawaian perakaunan yang menepati prinsip wakaf menurut kehendak Syarak.

ii) **Sejarah Perakaunan Islam**

Catatan perakaunan telah disebutkan dalam surah Al-Baqarah, Ayat 282 yang menjelaskan keperluan menyediakan rekod transaksi kewangan dan membuat pengesahan mengenainya. Serentak dengan itu, Rasulullah S.A.W juga telah mengarahkan bahawa catatan hendaklah dibuat kepada penerimaan dan perbelanjaan harta zakat dan sedekah yang menjadi asas kepada prinsip catatan beregu bagi menyatakan kedudukan wang masuk dan wang keluar. Keperluan mewujudkan sebuah jabatan khusus yang menguruskan catatan perakaunan wujud pada zaman Khalifah Umar bin Al-Khattab R.A.

Sejarah perakaunan Islam diteruskan dengan cadangan penubuhan diwan (jabatan perakaunan) yang dikemukakan oleh Hurmuzan yang melihat Khalifah Umar R.A. menerima rombongan yang membawa wang tanpa sebarang catatan. Beliau (Hurmuzan) memberitahu Khalifah Umar R.A. bahawa tanpa membuat catatan, tiada siapa yang tahu mengenai sesuatu barangan atau wang yang hilang daripada simpanan. Oleh itu, hanya dengan menulis dan membuat catatan jumlah keseluruhan harta, barulah ia dapat dijaga dengan betul. Lalu Khalifah Umar R.A. memerintahkan supaya ditubuhkan diwan untuk menjalankan tugas tersebut. Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa peranan utama diwan ialah membuat catatan semua harta yang diperolehi dan yang dibelanjakan. Kemudian, ditubuhkan diwan yang berkaitan dengan wang kutipan cukai kharaj dan cukai-cukai lain.

iii) Prinsip Umum Perakaunan Islam

Asas perakaunan Islam termasuklah perakaunan wakaf umumnya bersumberkan kepada surah Al-Baqarah Ayat 282. Daripada Ayat ini, beberapa prinsip umum perakaunan Islam boleh dipedomankan seperti berikut:

- a. Mencatat transaksi kewangan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan urusan muamalat;
- b. Catatan kewangan mestilah dibuat dengan cara yang adil, tepat dan beramanah. Sifat adil memerlukan seseorang pencatat hanya bertanggungjawab kepada Allah S.W.T. ;
- c. Pencatat juga mestilah memiliki kemahiran dan mengetahui hukum fiqh. Namun ilmu sahaja tidak mencukupi kerana banyak kemudaratan telah ditimbulkan oleh mereka yang berilmu tetapi tidak memiliki sifat adil dan amanah. Untuk itu, Allah S.W.T. telah menambah bahawa pencatat mestilah juga memiliki sifat taqwa. Apa yang menarik di sini adalah Allah S.W.T. menyebut sifat adil lebih dahulu daripada berilmu, yang menunjukkan bahawa kepentingan berlaku adil dalam membuat catatan kewangan adalah melebihi dari hanya memiliki ilmu dan kemahiran;
- d. Mencatat dengan tepat, teratur dan dengan tidak mengurangi hak sesiapa walaupun sedikit;
- e. Mengadakan saksi dan keterangan yang menjelaskan transaksi. Ahmad Mustapha al-Maraghi dalam bukunya "*Tafsir Al-Maraghi*" telah memetik pandangan Ibn Qayyim bahawa perkataan al-Bayyinah (pembuktian) adalah lebih umum dan mencakupi setiap sesuatu yang boleh menjelaskan dengan benar kesahihan sesuatu transaksi; dan

- f. Catatan mestilah dibuat tanpa mengira kecil ataupun besar sesuatu transaksi tersebut.

Muhammad Kamal 'Atiyah dalam bukunya "*Perakaunan Syarikat Dan Bank Menurut Sistem Islam*" telah menegaskan bahawa ulama fiqh telah menetapkan iaitu sesuatu harta dinilai mengikut asas nilai semasa. Dalam membuat penilaian ini, keadaannya pada masa lepas tidak diambil kira. Apa yang penting adalah keadaannya sekarang dan kemungkinan yang akan berlaku pada masa depan. Maka para juruaudit Islam menjadikan penilaian semasa sebagai asas ataupun dasar yang penting dengan mengeneppikan harga asal. Ini kerana penilaian semasa dibuat bagi menghadapi perubahan kuasa beli wang. Ia juga digunapakai dalam menyediakan laporan penyata kewangan dan membuat sebarang keputusan kewangan serta pelaburan.

Prinsip perakaunan wakaf bagi tujuan MPPW ini adalah berpaksikan kepada prinsip-prinsip perakaunan Islam di atas.

ISU-ISU PERAKAUNAN WAKAF

Secara umumnya, isu-isu perakaunan wakaf adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- i) Tiada peruntukan perundangan yang menjelaskan secara terperinci tentang perakaunan wakaf;
- ii) Tiada prosedur kewangan yang piawai dalam perakaunan wakaf;
- iii) Kekurangan pegawai perakaunan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang wakaf;

- iv) Kekangan kakitangan dalam penyediaan perakaunan yang mengakibatkan kelewatan dalam penyediaan laporan kewangan wakaf; dan
- v) Kekurangan latihan, pengetahuan dan kemahiran dalam penyediaan akaun wakaf yang lengkap serta teratur.

MATLAMAT PENYERAGAMAN PERAKAUNAN WAKAF

Matlamat penyeragaman perakaunan wakaf adalah untuk:-

- i) Menyediakan prosedur perakaunan wakaf yang menepati hukum Syarak;
- ii) Memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di MAIN;
- iii) Meningkatkan prestasi pengurusan harta wakaf secara lebih sistematik; dan
- iv) Mencerakinkan kekuatan sebenar sumber ekonomi umat Islam dalam bentuk harta wakaf bagi tujuan perancangan dan pembangunan strategik.

PENUTUP

MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bertanggungjawab terhadap perakaunan wakaf. Oleh yang demikian, MPPW ini diterbitkan bagi membantu MAIN menyediakan laporan kewangan yang lebih telus dan menangani isu-isu semasa berkaitan dengan perakaunan wakaf.

Bab 2

PENAKRIFAN WAKAF

Firman Allah S.W.T. :

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلَّهِ وَاللَّيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾

(Al-Baqarah, Ayat 215)

Mafhumnya : Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), “Apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)?” Katakanlah: “Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada : kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan.” (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu lakukan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui-Nya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).

PENGENALAN

Bab ini menerangkan tentang jenis-jenis wakaf iaitu Wakaf Ahli dan Wakaf Khairi serta kaedah-kaedah bagi melaksanakan wakaf-wakaf tersebut iaitu melalui wakaf irsod, wakaf saham, saham wakaf, wakaf musytarak dan wakaf musyak.

TAKRIF WAKAF

Maksud wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jualbeli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. oleh pewakaf. Wakaf merupakan suatu pemilikan yang tidak sempurna kerana pemilikan 'ain (barangan yang diwakafkan) adalah milik Allah S.W.T. Manakala, manfaat atau hasil wakaf itu kepunyaan *Mawquf 'Alaih* iaitu pihak yang ditentukan menerima manfaat wakaf.

JENIS-JENIS WAKAF

Wakaf dibahagikan kepada 2 bahagian:

i) Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga)

Wakaf ini dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunannya seperti yang ditentukan oleh pewakaf.

ii) Wakaf Khairi (Kebajikan)

Wakaf ini diperuntukkan bagi tujuan kebajikan semata-mata. Ia terbahagi kepada 2 jenis iaitu :

a. Wakaf Khas

Diertikan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat tertentu mengikut hukum Syarak, seperti mewakafkan tanah atau hasil (manfaat) daripada tanah berkenaan untuk tapak masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim, ahli keluarga dan lain-lain yang dikhususkan oleh pewakaf.

b. Wakaf Am

Diertikan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat umum mengikut hukum Syarak, seperti untuk kegunaan keagamaan atau pembangunan ekonomi umat Islam yang boleh dijalankan melalui pelbagai aktiviti menurut hukum Syarak. Contohnya seperti seorang mewakafkan sebidang tanah milik beliau untuk kebajikan am. Dalam wakaf ini, pemegang amanah boleh membangunkan harta wakaf tersebut yang mendatangkan hasil atau manfaat sebaik mungkin tanpa terikat dengan jenis kebajikan atau bentuk pembangunan tertentu. Manakala manfaatnya pula diagihkan kepada apa juga bentuk kebajikan am yang mana pahalanya berterusan kembali kepada pewakaf.

KAEDAH PEWAKAFAN

Wakaf Am dan Wakaf Khas ini boleh dilaksanakan mengikut kaedah-kaedah seperti berikut :

i) Wakaf Irsod

Bermaksud penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh mana-mana Pihak Berkuasa Negeri, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut hukum Syarak.

ii) Wakaf Saham

Bermaksud mewakafkan saham-saham syarikat perniagaan dengan pembelian atau saham-saham yang sedia ada. Contohnya seseorang mewakafkan saham

syarikat B yang dipegangnya kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

iii) Saham Wakaf

Bermaksud menggalakkan umat Islam berwakaf melalui wang ringgit (tunai) dengan cara membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh MAIN dan mewakafkan sijil-sijil tersebut untuk selama-lamanya kerana Allah S.W.T. bertujuan demi manfaat dan kebajikan umat Islam.

iv) Wakaf Musytarak

Bermaksud penyatuan beberapa wakaf termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui istibdal dan saham wakaf.

v) Wakaf Musyak

Bermaksud mewakafkan apa-apa hak ke atas mana-mana harta yang dimiliki bersama yang tidak boleh dipecahbahagikan. Menurut kebanyakan ulama' harus mewakafkan harta yang dikongsi atau dimiliki bersama dengan orang lain yang tidak boleh dibahagi seperti dua orang mempunyai hak ke atas rumah dan sebuah kereta. Jika salah seorang pemilik mewakafkan bahagiannya, maka wakaf ini adalah sah.

PENUTUP

Jenis-jenis dan kaedah-kaedah wakaf yang dijelaskan di dalam bab ini adalah secara ringkas dan ianya bagi membantu pembaca mengetahui situasi wakaf yang berkaitan secara asas serta seterusnya memahami layanan perakaunan yang sewajarnya mengikut Syarak dan piawai yang ditetapkan.

Bab 3

PERUNTUKAN PERUNDANGAN



Firman Allah S.W.T.:

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ نَفَقَةٍ أَوْ نَذَرْتُمْ مِنْ نَذْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُهُ وَوَمَا
لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿٢٧﴾

(Al-Baqarah, Ayat 270)

Mafhumnya : Apa sahaja yang kamu nafkahkan (seperti zakat, sedekah atau derma) atau apa sahaja nazar yang kamu janjikan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya (lalu membalasnya dengan sebaik-baiknya). Orang yang zalim itu, tidak ada sesiapa pun yang dapat menolongnya (melindungi mereka daripada azab Allah S.W.T.)

PENGENALAN

Bab ini menerangkan tentang peruntukan perundangan yang sedia ada di Malaysia berkaitan pentadbiran harta wakaf iaitu peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri.

PERUNTUKAN PERUNDANGAN

PUNCA KUASA PERAKAUNAN WAKAF

(A) Perlembagaan Persekutuan

Wakaf merupakan satu daripada harta keagamaan yang disenaraikan di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia.¹

Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa semua hasil Kerajaan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan wang Disatukan kecuali hasil agama Islam seperti zakat dan fitrah, baitulmal dan lain-lain hasil (termasuk wakaf).

Perkara 97: Kumpulanwang Disatukan:²

- (1) “Segala hasil dan wang yang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh Persekutuan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang Persekutuan, hendaklah dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan;
- (2) Segala hasil dan wang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh sesuatu Negeri, tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang, hendaklah dibayar masuk ke dalam

¹ Dr. Siti Mashitoh Mahmood (2006), “Perundangan Wakaf dan Isu-lsu Berbangkit”, dibentangkan dalam Konvensyen Wakaf Kebangsaan anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji pada 12-14 September 2006, hal. 2.

² Perlembagaan Persekutuan (2006), International Law Book Services, hal. 131-132.

serta menjadi satu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri itu; dan

- (3) Jika mengikut undang-undang Negeri atau mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya mengikut undang-undang Persekutuan, apa-apa zakat fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam, yang seumpamanya adalah didapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar masuk ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang Persekutuan, mengikut mana yang berkenaan.”

Ini menjadi asas kepada peruntukan perundangan yang memberi kuasa kepada MAIN untuk membuat undang-undang bagi mengurus hasil-hasil agama Islam termasuklah harta wakaf.

(B) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri

Menurut peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri, satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Baitulmal boleh diwujudkan di negeri-negeri bagi menguruskan semua hasil agama Islam. Bagi negeri yang mempunyai enakmen wakaf seperti Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan satu Kumpulan wang Wakaf telah diwujudkan untuk menguruskan harta dan hasil wakaf.

Menurut peruntukan Enakmen Wakaf, Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan. Penyata Kewangan ini mengandungi perkara-perkara berikut :

- i. Lembaran Imbangan;
- ii. Penyata Pendapatan;

- iii. Penyata Aliran Tunai; dan
- iv. Penyata Perubahan Kumpulan Wang Wakaf.

(C) Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri

Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN (2003) ini dirangka oleh Jabatan Audit Negara selaras dengan Hukum Syarak, Arahan Perbendaharaan, dengan mengambilkira di mana sesuai piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dengan kerjasama semua MAIN, Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

i) Tatacara 325

“Apa-apa hasil atau keuntungan diperolehi daripada mana-mana harta atau penjualan harta wakaf maka ia hendaklah diakaunkan dalam akaun wakaf.”

(ii) Tatacara 381

“Penyata Kewangan Tahunan yang lengkap bagi Majlis hendaklah mengandungi semua kumpulan wang berikut:

- a) Kumpulan Wang Baitulmal;
- b) Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah; dan
- c) Kumpulan Wang Wakaf.

Kumpulan Wang Wakaf ini merujuk kepada pengurusan harta wakaf yang diamanahkan oleh pihak tertentu sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas serta perbelanjaan yang berkaitan dengannya.

Tidak ada apa-apa dalam peruntukan kumpulan wang ini boleh digunakan bagi pemilikan atau pemerolehan aset kecuali diperolehi daripada:

- a) Harta wakaf yang diamanahkan oleh pihak tertentu sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas; dan
- b) Keuntungan dari hasil pelaburan harta wakaf dari sumber Wakaf Am dengan kebenaran mufti atau pihak-pihak yang berkaitan.

Pemilikan atau pemerolehan sesuatu aset bagi tujuan atau maksud kumpulan wang ini merupakan perbelanjaan hangus dan didedahkan di dalam Nota Penjelasan Harta di akhir tempoh perakaunan.

Setiap akhir tahun penutupan sesuatu akaun Majlis, baki terkumpul lebihan Kumpulan Wang Wakaf hendaklah dipindahkan ke Kumpulan Wang Wakaf Terkumpul di dalam Kunci Kira-Kira Kumpulan Wang Majlis. Nota kepada penyata kewangan hendaklah ditunjukkan berkaitan kumpulan wang tersebut.

Peruntukan ini bukan bermaksud bahawa aset Kumpulan Wang Wakaf menjadi sebahagian daripada aset Kumpulan Wang MAIN.

(iii) Tatacara 373

Menyatakan bahawa Penyata Kewangan Majlis perlu dibentangkan setahun sekali. Tahun kewangan yang digunakan adalah berdasarkan tahun Masihi.

(iv) Tatacara 374

Menyebutkan bahawa Majlis hendaklah menyediakan penyata kewangan sebaik sahaja tamat tempoh

tahun kewangan mengikut Enakmen penubuhan Majlis. Sebaik-baiknya penyata kewangan hendaklah disediakan dengan lengkap dan diaudit tidak lewat dari 6 bulan dari tarikh tamat tempoh perakaunan sesuatu tahun kewangan.

Walau bagaimanapun, tatacara ini adalah tertakluk kepada arahan-arahan kewangan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

MPPW ini adalah penambahbaikan kepada Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN berhubung prosedur wakaf seperti dinyatakan oleh Tatacara 316 hingga 326 dan Tatacara 373 hingga 374.

PENUTUP

Di bawah peruntukan perundangan yang sedia ada harta wakaf dan hasil daripada wakaf adalah kepunyaan orang Islam dan tidak dikira sebagai hasil Kerajaan. Undang-undang telah memperuntukkan bahawa MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi wakaf di Malaysia.

Bab 4

DASAR PERAKAUNAN WAKAF



Sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amr r.a. :

نَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْعِلْمُ ثَلَاثَةٌ وَمَا سِوَى ذَلِكَ فَهُوَ فَضْلٌ آيَةٌ مُحْكَمَةٌ أَوْ سُنَّةٌ قَائِمَةٌ أَوْ فَرِيضَةٌ عَادِلَةٌ.

Maksudnya: "Ilmu yang menjadi asas (bagi ilmu-ilmu yang dikehendaki oleh agama) adalah tiga dan yang lain dari itu adalah ilmu yang lebih; - ilmu-ilmu yang tiga itu ialah: Ayat Al-Qur'an yang terang nyata dan tidak dimansuhkan hukumnya; atau "Sunnah" (hadis) yang sah datangnya dari Rasulullah S.A.W., yang tetap kekal atau ketetapan dan keputusan yang betul sama seimbang (dengan kehendak kitab Allah dan sunnah RasulNya)"

PENGENALAN

Pada masa ini MAIN menggunakan dasar-dasar perakaunan konvensional sedia ada sebagai panduan di dalam penyediaan Penyata Kewangan Wakaf. Secara prinsipnya, dasar-dasar perakaunan yang digunakan oleh semua MAIN adalah sama. Bagaimanapun, terdapat keadaan di mana sesuatu dasar perakaunan yang digunakan oleh sesebuah MAIN tidak digunakan oleh MAIN yang lain. Bab ini menerangkan

mengenai dasar-dasar perakaunan yang perlu diamalkan di dalam penyediaan Penyata Kewangan Wakaf.

DASAR PERAKAUNAN WAKAF

Dasar Perakaunan Wakaf ini adalah diadaptasikan daripada *Financial Reporting Standard* (FRS) dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf. Dasar-dasar perakaunan wakaf ini adalah seperti berikut :

i) Tahun Kewangan

Tempoh tahun kewangan MAIN adalah bagi 12 bulan berakhir 31 Disember setiap tahun.

ii) Kumpulan Wang Wakaf

Kumpulan Wang Wakaf adalah terdiri daripada Akaun Wakaf Am dan Akaun Wakaf Khas yang merekodkan senarai harta wakaf yang diterima, dibeli, pendapatan dan perbelanjaan di dalam akaun secara berasingan.

iii) Prinsip Akruan

Semua urusan niaga terimaan dan bayaran MAIN diakaunkan mengikut asas akruan. Dengan menggunakan perakaunan asas akruan, urusan niaga dan peristiwa diiktiraf apabila ia berlaku (dan bukan semasa tunai atau kesetaraannya diterima atau dibayar) dan ia direkodkan dalam rekod perakaunan dan dilaporkan dalam penyata kewangan bagi tempoh yang berkaitan.

iv) Tindakan Berhemat (*Prudence*)

Tindakan berhemat adalah asas pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan dalam urusan merekod urusan niaga dan penyediaan penyata kewangan.

v) Keutamaan Nilai Daripada Bentuk (*Substance Over Form*)

Urusniaga dan semua peristiwa perlu diperakaunkan dan dipersembahkan mengikut keutamaan nilai dan kebenaran transaksi kewangan dan bukan hanya kepada bentuk perundangan.

vi) Materialiti

Penyata kewangan MAIN yang disediakan perlu mengambil kira dan melaporkan perkara-perkara yang penting dan signifikan untuk membantu membuat penilaian dan keputusan.

vii) Nilai Matawang

Semua urusniaga dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Pemakaian dasar-dasar perakaunan wakaf di atas adalah tertakluk kepada ketetapan hukum Syarak.

PENUTUP

Pemakaian dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di atas adalah bagi menyeragamkan perakaunan wakaf yang digunakan di dalam penyediaan Penyata Kewangan Wakaf. Pemakaian dasar-dasar perakaunan yang sama ini akan membolehkan keseragaman di dalam penyediaan Penyata Kewangan Wakaf.

Bab 5

PRINSIP PERAKAUNAN WAKAF

Firman Allah S.W.T.:

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ إِذَا كُلْتُمْ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ
تَأْوِيلًا

***Mafhumnya :** Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik-baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak).*

(Al-Isra', Ayat 35)

PENGENALAN

Secara dasarnya prinsip-prinsip perakaunan wakaf menggunakan prinsip-prinsip perakaunan konvensional sedia ada yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip wakaf. Terdapat beberapa prinsip wakaf yang unik yang perlu diamalkan kerana keunikan sifat wakaf itu sendiri. Keunikan sifat wakaf ini memerlukan prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang jelas bagi memenuhi keperluan Syarak berkaitan wakaf. Bab ini menyentuh mengenai prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang perlu diamalkan di dalam merekodkan pelbagai transaksi berkaitan wakaf.

PRINSIP PERAKAUNAN WAKAF

Prinsip perakaunan wakaf yang perlu diamalkan adalah seperti berikut:

i) Prinsip Perakaunan Hasil

Kutipan hasil wakaf diakaunkan mengikut asas akruan dan dikreditkan secara jumlah kasar ke dalam akaun Wakaf Am atau akaun Wakaf Khas, mana yang berkenaan dan kemudiannya akan disatukan di dalam Kumpulan Wang Wakaf. Contoh hasil wakaf adalah sewaan, pajakan, keuntungan pelaburan dan sebagainya.

ii) Prinsip Perakaunan Harta Wakaf

a) Aset Bukan Semasa

Aset Bukan Semasa wakaf yang diterima oleh MAIN daripada pewakaf boleh dibahagikan kepada 3 kategori iaitu :

- i. Aset bernilai komersil** - iaitu harta wakaf yang boleh dibangunkan untuk menjana pendapatan seperti tanah dan bangunan yang disewakan.
- ii. Aset tidak bernilai komersil** - iaitu harta wakaf yang digunakan untuk kebajikan dan sosial umat Islam seperti tanah perkuburan dan masjid.
- iii. Pelaburan** - iaitu harta wakaf yang dilaburkan termasuklah wakaf saham dan sukuk. Pelaburan diakaunkan pada nilai kos selepas ditolak elaun rosotnilai.

Kategori aset-aset bernilai komersil dan tidak bernilai komersil diakaunkan dengan nilai semasa apabila diterima oleh MAIN daripada pewakaf. Aset Bukan Semasa ini disarankan dinilai semula dalam tempoh 3 hingga 5 tahun.

Aset Bukan Semasa yang berkongsi milik seperti wakaf musyak hendaklah dinilai secara keseluruhan dan dibahagikan berdasarkan peratusan pegangan oleh MAIN.

Aset Bukan Semasa yang dibeli dengan menggunakan hasil daripada manfaat wakaf diakaunkan dengan nilai kos pembelian aset tersebut dan akan disusutnilai.

Kaedah Susutnilai

Kaedah yang disarankan untuk digunapakai oleh MAIN adalah kaedah garis lurus. Kaedah ini melibatkan Aset Bukan Semasa disusutnilaikan pada nilai yang sama pada setiap tempoh perakaunan.

Kadar Susutnilai

Kadar susutnilai yang dicadangkan untuk digunapakai oleh MAIN adalah seperti berikut :

Cadangan Kadar Susutnilai Untuk Aset Wakaf

Bil.	Jenis Aset	Kadar Susutnilai Setahun (%)
1.	Bangunan	2
2.	Mesin dan Jentera	5
3.	Komputer dan Kelengkapan Pejabat	20
4.	Kenderaan	10
5.	Perabot	20

Kadar bagi lain-lain Aset Bukan Semasa boleh dirujuk seperti di **Lampiran 1**.

Kaedah Hapuskira

Secara prinsipnya, harta wakaf adalah bersifat kekal dan tidak boleh dijual, dihibah dan diwarisi. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana harta wakaf boleh dihapuskira disebabkan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan seperti bencana alam, manfaatnya yang tidak dapat digunakan lagi, kehilangan dan sebagainya. Sekiranya harta tersebut perlu dihapuskira, kaedah perakaunan konvensional boleh digunakan.

b) Aset Semasa

Saham Wakaf - Saham Wakaf yang ditawarkan kepada umum bagi sesuatu maksud tertentu diakaunkan mengikut nilai saham yang telah terjual.

Penghutang Perniagaan dan Pelbagai Penghutang - Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang diakaunkan pada nilai kos, selepas ditolak *elaun kerugian*. Elaun kerugian mewakili peruntukan untuk hutang ragu bagi hutang yang dijangka tidak dapat diperolehi kembali.

Inventori - Inventori diakaunkan pada nilai terendah di antara kos dan nilai *realisasi bersih* dengan menggunakan *kaedah purata* wajaran sebagai asas utama pengiraan kos. Nilai realisasi bersih mewakili harga jualan yang dianggarkan tolak semua anggaran kos yang terlibat untuk membuat jualan. Kaedah purata wajaran dalam mengakaunkan nilai inventori adalah berdasarkan nilai purata kos bagi pembelian inventori dari pihak pembekal.

Tunai dan Kesetaraan Tunai - Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki di bank dan *pelaburan berkecairan tinggi* yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai. Pelaburan berkecairan tinggi adalah pelaburan jangka pendek yang sedia ditukar kepada nilai tunai dengan risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

iii) Prinsip Perakaunan Liabiliti

Liabiliti Jangka Panjang (lebih daripada setahun) dan Jangka Pendek (kurang daripada setahun) diakaunkan pada nilai kos.

iv) Prinsip Catatan Beregu

Setiap urusan niaga mendatangkan dua kesan, iaitu memberi dan menerima. Urusniaga ini dicatat secara serentak untuk menghasilkan jumlah debit dan kredit yang sama jumlah ke dalam akaun.

v) Prinsip Perakaunan Istibdal

Proses penggantian harta wakaf dengan harta lain yang mempunyai nilai yang sama atau lebih baik diakaunkan pada nilai pasaran harta wakaf tersebut.

PENUTUP

Prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang disarankan dalam bab ini adalah berdasarkan kehendak Syarak bagi wakaf. Prinsip-prinsip ini perlu diseragamkan supaya Penyata Kewangan Wakaf yang disediakan boleh difahami dan diterjemahkan secara konsisten oleh *stakeholders* yang berkaitan.

Bab 6

KAEDAH PERAKAUNAN WAKAF

Firman Allah S.W.T. :

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لَكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ نُنْفِذَ

كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

Ma'humnya : “Katakanlah wahai Muhammad, kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya sebagai bantuan”.

(Al-Kahfi, Ayat 109)

PENGENALAN

Seperti dasar dan prinsip perakaunan wakaf, kaedah perakaunan wakaf juga diadaptasi dari kaedah-kaedah perakaunan konvensional sedia ada dengan penambahbaikan bagi memenuhi kehendak Syarak. Bab ini menyentuh mengenai penilaian harta wakaf yang perlu diamalkan di dalam merekodkan penerimaan, perolehan dan proses Istibdal harta wakaf.

KAEDAH PERAKAUNAN WAKAF

Kaedah perakaunan wakaf menerimapakai kaedah-kaedah perakaunan sedia ada yang mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Selain itu, berikut adalah kaedah-kaedah tambahan yang disesuaikan dengan perundangan wakaf :

i) Terimaan Harta Wakaf (Aset Bukan Semasa) Daripada Pewakaf

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (Nilai Semasa)	XX	
Modal Wakaf (Nilai Semasa)		XX

Modal Wakaf adalah terdiri daripada wang dan harta yang diwakafkan termasuk rizab atau apa-apa manfaat dan faedah yang diperolehi daripada mawquf atau melalui istibdal.

ii) Perolehan Harta Menggunakan Manfaat Daripada Harta Wakaf

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (kos)	XX	
Bank (kos)		XX

iii) Terimaan Daripada Hasil Jualan Saham Wakaf**a) Terimaan Wang Hasil Jualan Saham**

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank (Nilai Saham)	XX	
Modal Wakaf (Nilai Saham)		XX

b) Proses Pembinaan Struktur Bagi Maksud Jualan Saham Wakaf

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kerja Dalam Pelaksanaan (Amaun Perbelanjaan)	XX	
Bank (Amaun perbelanjaan)		XX

c) Mengakaunkan Struktur Yang Telah Siap Sebagai Aset MAIN

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (Kos Keseluruhan)	XX	
Kerja Dalam Pelaksanaan (Kos Keseluruhan)		XX

iv) Istibdal**a) Proses Istibdal**

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal Wakaf (Kos Sejarah)	XX	
Aset Bukan Semasa (Kos Sejarah)		XX

Kos sejarah merupakan nilai semasa yang direkodkan apabila sesuatu aset diterima daripada pewakaf.

b) Penjualan Aset Bukan Semasa

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank (Nilai Pasaran)	XX	
Istibdal (Nilai Pasaran)		XX

c) Pembelian Aset Bukan Semasa

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Istibdal (Nilai Pasaran)	XX	
Bank (Nilai Pasaran)		XX

d) Mengakaunkan Aset Gantian

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (Nilai Pasaran)	XX	
Modal Wakaf (Nilai Pasaran)		XX

Contoh i – Nilai Aset Yang Dijual Bersamaan Dengan Aset Gantian

Kos Sejarah Aset	RM 10,000.00
Nilai Semasa Aset	RM 12,000.00
Nilai Semasa Aset Gantian	RM 12,000.00

Proses Istibdal

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal Wakaf	10,000.00	
Aset Bukan Semasa		10,000.00

Penjualan Aset Bukan Semasa

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank	12,000.00	
Istibdal		12,000.00

Pembelian Aset Bukan Semasa Gantian

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Istibdal	12,000.00	
Bank		12,000.00

Mengakaunkan Aset Gantian

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa	12,000.00	
Modal Wakaf		12,000.00

Contoh ii – Nilai Aset Yang Dijual Lebih Rendah Dari Nilai Aset Gantian

Kos Sejarah Aset	RM 10,000.00
Nilai Semasa Aset	RM 12,000.00
Nilai Semasa Aset Gantian	RM 15,000.00

Proses Istibdal

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal Wakaf	10,000.00	
Aset Bukan Semasa		10,000.00

Penjualan Aset Bukan Semasa

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank	12,000.00	
Istibdal		12,000.00

Pembelian Aset Bukan Semasa Gantian

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Istibdal	12,000.00	
Sumbangan Wakaf Am	3,000.00	
Bank		15,000.00

Mengakaunkan Aset Gantian

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa	15,000.00	
Modal Wakaf		15,000.00

Bagi tujuan pembelian aset gantian sumber Kumpulan Wang Wakaf boleh digunakan.

Contoh iii – Nilai Aset Yang Dijual Lebih Tinggi Dari Nilai Aset Gantian

Kos Sejarah Aset	RM 10,000.00
Nilai Semasa Aset	RM 12,000.00
Nilai Semasa Aset Gantian	RM 10,000.00

Proses Istibdal

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal Wakaf	10,000.00	
Aset Bukan Semasa		10,000.00

Penjualan Aset Bukan Semasa

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank	12,000.00	
Istibdal		12,000.00

Pembelian Aset Bukan Semasa Gantian

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Istibdal	10,000.00	
Bank		10,000.00

Mengakaunkan Aset Gantian

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa	15,000.00	
Modal Wakaf		15,000.00

Amaun lebihan Istibdal (dalam kes di atas berjumlah RM2,000.00) adalah liabiliti yang akan digunakan untuk menyempurnakan niat asal pewakaf. Sekiranya terdapat lebih daripada satu kes Istibdal, ianya hendaklah didedahkan di dalam nota kepada akaun.

v) Penilaian Semula Harta Wakaf

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset (Nilai Tambahan)	XX	
Rizab Penilaian Harta Wakaf (Nilai Tambahan)		XX

PENUTUP

Kaedah-kaedah perakaunan wakaf ini adalah elemen penting yang perlu diamalkan di dalam merekodkan transaksi dan penyediaan Penyata Kewangan Wakaf. Pemakaian kaedah-kaedah perakaunan wakaf ini akan memastikan Penyata Kewangan Wakaf yang disediakan oleh MAIN adalah seragam di antara satu sama lain. Kaedah-kaedah perakaunan yang seragam akan membolehkan perbandingan atau analisis Penyata Kewangan Wakaf dilaksanakan dengan lebih tepat dan berkesan.

Bab 7

FORMAT PENYATA KEWANGAN

Sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Al-Baihaki:

” إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِيَهُ ”.

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang itu membuat sesuatu pekerjaan ia lakukan dengan tekun (sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan) ”

PENGENALAN

Pada masa ini semua MAIN menggunakan format Penyata Kewangan Badan Berkanun di dalam persembahan Penyata Kewangan Wakaf yang disediakan. Perkara ini adalah termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri kerana MAIN merupakan badan berkanun negeri. Bagaimana pun, masih terdapat perbezaan format persembahan Penyata Kewangan di antara sesebuah MAIN dengan MAIN yang lain. Bab ini mengutarakan contoh format persembahan Penyata Kewangan yang boleh dijadikan panduan oleh MAIN di dalam penyediaan Penyata Kewangan Wakaf.

FORMAT PENYATA KEWANGAN

Menurut peruntukan Enakmen Wakaf, Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan. Penyata Kewangan ini mengandungi:

- i. Lembaran Imbangan;
- ii. Penyata Pendapatan;
- iii. Penyata Aliran Tunai; dan
- iv. Penyata Perubahan Kumpulan Wang Wakaf.

Berikut adalah contoh-contoh format penyata yang boleh dijadikan panduan.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI _____
KUMPULAN WANG WAKAF
LEMBARAN IMBANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER _____

	<u>Nota</u>	<u>RM</u> <u>20XX</u>	<u>RM</u> <u>20YY</u>
ASET BUKAN SEMASA			
Tanah/Bangunan/Loji		XXX	XXX
Kerja Dalam Pelaksanaan		XXX	XXX
Pelaburan		XXX	XXX
ASET SEMASA			
Pendapatan Sewa Terakru		XX	XX
Tunai Di Tangan		XX	XX
Tunai Di Bank		XX	XX
Jumlah Aset		XXX	XXX
LIABILITI SEMASA			
Perbelanjaan Terakru		XX	XX
Pendapatan Diterima Awal		XX	XX
Jumlah Liabiliti Semasa		XXX	XXX
ASET/(LIABILITI) SEMASA BERSIH		XXX	XXX
		XXX	XXX
DIBIAYAI OLEH :			
Akaun Wakaf Am		XXX	XXX
Akaun Wakaf Khas		XXX	XXX
JUMLAH KUMPULAN WANG WAKAF		XXX	XXX
Pinjaman Jangka Panjang		XXX	XXX
		XXX	XXX
		XXX	XXX

b) FORMAT PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG WAKAF

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI _____
KUMPULAN WANG WAKAF
PENYATA PENDAPATAN BAGI TEMPOH KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER _____

	Nota	RM (Juta)	RM (Juta)
		20XX	20YY
Pendapatan		xxx	xxx
		<u>xxx</u>	<u>xxx</u>
Tolak :			
Perbelanjaan		(xxx)	(xxx)
Agihan		<u>(xxx)</u>	<u>(xxx)</u>
Lebihan / (Kurangan) Tahun Semasa		<u>xxx</u>	<u>xxx</u>

**c) FORMAT PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN WANG WAKAF
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI _____**

**PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN WANG WAKAF
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER _____**

ALIRAN TUNAI MASUK / (KELUAR) DARIPADA AKTIVITI OPERASI	RM
Pendapatan Bersih	
Wakaf Am	XX
Wakaf Khas	XX
	<u>XXX</u>
PELARASAN BAGI BUTIRAN YANG TIDAK MELIBATKAN PERGERAKAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	
Susutnilai	XX
Pendapatan Dari Keuntungan Pelaburan	XX
Pendapatan Dari Keuntungan Semasa (Hibah)	XX
Penghutang/Akaun Belum Terima	XX
Pendahuluan (Aset Semasa)	XX
Tunggakan Sewa	XX
Bayaran Terdahulu	XX
Pemiutang/Akaun Belum Bayar	XX
Pendahuluan (Liabiliti Semasa)	(XX)
Cagaran	XX
	<u>XXX</u>
ALIRAN TUNAI MASUK DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	
Pembelian Aset Bukan Semasa	(XX)
Kerja Dalam Pelaksanaan	(XX)
Tambahan Pelaburan - Saham	(XX)
Pendapatan Dari Keuntungan Pelaburan	XX
Pendapatan Dari Keuntungan Semasa (Hibah)	XX
PERTAMBAHAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	XXXX
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	XXXX
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u><u>XXXXX</u></u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN TERDIRI DARIPADA :	
Tunai Di Tangan/ Tunai Di Bank	XXXX
Simpanan Tetap	XXXX
	<u><u>XXXXX</u></u>

d) **FORMAT PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG WAKAF**

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI _____
PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG WAKAF PADA 31
DISEMBER _____

	RM (Juta)	RM (Juta)
	20XX	20YY
Baki Pada 1 Januari	xxx	xxx
Campur : Lebihan / (Kurangan) Tahun Semasa	xx	xx
Baki Pada 31 Disember	xxxx	xxxx

e) **FORMAT LEMBARAN IMBANGAN WAKAF KHAS / AM****MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI _____****AKAUN WAKAF KHAS / AM****LEMBARAN IMBANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER _____**

	<u>Nota</u>	<u>RM</u> 20XX	<u>RM</u> 20YY
ASET BUKAN SEMASA:			
Tanah/Bangunan/Loji		XXX	XXX
Kerja Dalam Pelaksanaan		XXX	XXX
Pelaburan		XXX	XXX
ASET SEMASA:			
Pendapatan Sewa Terakru		XX	XX
Tunai Di Tangan		XX	XX
Tunai Di Bank		XX	XX
Jumlah Aset		<u>XXXX</u>	<u>XXXX</u>
LIABILITI SEMASA:			
Perbelanjaan Terakru		XX	XX
Pendapatan Diterima Awal		XX	XX
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>XXX</u>	<u>XXX</u>
ASET/(LIABILITI) SEMASA BERSIH		<u>XXX</u>	<u>XXX</u>
		<u><u>XXXX</u></u>	<u><u>XXXX</u></u>
DIBIAYAI OLEH :			
Lebihan / (Kurangan) Tahun Semasa		XXX	XXX
Modal Wakaf		XXX	XXX
Rizab Penilaian Harta Wakaf		XXX	XXX
AKAUN WAKAF KHAS / AM		<u>XXX</u>	<u>XXX</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman Jangka Panjang		XXX	XXX
		<u><u>XXXX</u></u>	<u><u>XXXX</u></u>

f) **FORMAT PENYATA PENDAPATAN WAKAF KHAS / AM****MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI _____****PENYATA PENDAPATAN WAKAF KHAS / AM
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER _____**

	RM	RM	Peratusan (%)	RM	Peratusan (%)
		20XX		20YY	
Pendapatan					
Hasil-hasil		xxx	%	xxx	%
		<u>xxxx</u>		<u>xxxx</u>	
Jumlah peratusan			%		%
Tolak Perbelanjaan :					
<i>Perbelanjaan Pentadbiran & Am</i>					
Belanja Am	xxx		%		%
Sewaan	xxx		%		%
Pembaikan Harta	xxx		%		%
Insurans	xxx		%		%
Percetakan & Bekalan Pejabat	xxx		%		%
Pos	xxx		%		%
Susutnilai	xxx		%		%
Upah Pengurus	xxx		%		%
Utiliti	xxx		%		%
Penyelenggaraan Harta	xxx		%		%
Lain-lain Belanja	xxx	(xxx)	%	(xxx)	%
Jumlah peratusan			%		%
Tolak Agihan :					
Buku Teks	xx		%		%
Alat Bantuan Mengajar	xx		%		%
Biasiswa	xx		%		%
Bantuan Kepada Orang Miskin	xx		%		%
Sumbangan Kepada Masjid	xx		%		%
Bantuan Kepada Anak Yatim	xx		%		%
Lain-lain Agihan mengikut sighthah pewakaf	xx	(xxx)	%	(xxx)	%
Jumlah Peratusan			%		%
Dana Terkumpul:					
Lebihan / (Kurangan) Tahun Semasa		xxx		xxx	
Lebihan / (Kurangan) Awal Tahun		<u>xxx</u>		<u>xxx</u>	
Lebihan / (Kurangan) Terkumpul		<u>xxx/(xxx)</u>		<u>xxx/(xxx)</u>	
Jumlah Peratusan			%		%

PENUTUP

Format Penyata Kewangan Wakaf yang seragam akan memudahkan *stakeholders* untuk menilai prestasi MAIN di dalam menguruskan harta wakaf di seluruh Malaysia. Perancangan strategik bagi meningkatkan lagi prestasi pengurusan dan pembangunan wakaf di seluruh negara boleh dilaksanakan di peringkat nasional tanpa batasan kenegerian. Seterusnya akan memakmurkan lagi harta wakaf yang boleh digunakan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia. Format Penyata Kewangan Wakaf yang ditunjukkan dalam bab ini juga menganjurkan ketelusan di dalam pengurusan harta wakaf.

LAMPIRAN



SENARAI JANGKA HAYAT ASET BUKAN SEMASA

Bil	Jenis>Nama Aset	Jangka Hayat (Tahun)	Peratus Susutnilai (%)
ALAT KELENGKAPAN PERHUBUNGAN			
1.	Mesin Faks	8	12.5
2.	Telefon Headset	8	12.5
3.	Sistem Telefon	8	12.5
ALAT KELENGKAPAN ELEKTRIK			
4.	Alat Pendingin Udara	10	10.0
5.	Decolator	8	12.5
6.	Mesin Pendua	10	10.0
7.	Mesin Penyalin	10	10.0
8.	Mesin Tebuk Baucar	10	10.0
9.	Mesin Tanda Tangan Cek	10	10.0
10.	Overhead Projektor	8	12.5
11.	Perakam Waktu	8	12.5
12.	Laminator	8	12.5
13.	Paper Shredder	8	12.5
14.	Speaker	8	12.5
15.	Mini Hifi	8	12.5
16.	Amplifier	5	20.0
17.	Direct Projector	5	20.0
18.	Asynchronous Adapter	5	20.0
19.	Oven Mikro	5	20.0
20.	Stabilizer	5	20.0
21.	Alat 'UPS'	5	20.0
KENDERAAN			
22.	Kereta Saloon	8	12.5
23.	Motosikal Sehingga 250cc	4	25.0
24.	Motosikal Melebihi 250cc	5	20.0
25.	Van Tugas Ringan	6	16.7
26.	Kenderaan Ringan Pacuan 4 roda	8	12.5
27.	Pengangkutan Berat Kurang Dari 8 Tan	8	12.5
28.	Lori Tipping Kurang 6 cu. Yd	8	12.5
29.	Bas	8	12.5
30.	Pengangkutan Berat Lebih 5 Tan	10	10.0
31.	Lori Tipper 6 cu. Yd dan ke atas	10	10.0
32.	Trak Membuang Sampah	10	10.0
33.	Kenderaan Kembalik (Recovery Vehicles)	15	6.7
34.	Kenderaan Bermesin (spt kren Bergerak, Lori Pembancuh Konkrit, Lori Pemampat Sampah dll)	15	6.7
35.	Pemunggah Rendah (Low Loader)	15	6.7
ALAT KELENGKAPAN ELEKTRONIK			
36.	Komputer (PC)	5	20.0
37.	Komputer (Mainframe)	5	20.0
38.	LCD Panel	5	20.0
39.	Mesin Pengira	8	12.5
40.	Cable/Connector Kit	5	20.0
41.	Modem	5	20.0

42.	"Barco-system"	8	12.5
43.	Pencuci Pita Magnetik	5	20.0
44.	Pencetak Komputer	5	20.0
45.	Image Processor	5	20.0
46.	Pemacu Pita Magnetik	5	20.0
47.	Perisian	5	20.0
48.	BANGUNAN		
	Bangunan	50	2.0
	ALAT KELENGKAPAN PEJABAT DAN KELENGKAPAN LAIN		
49.	Peti Besi	10	10.0
50.	Lettering Machine	10	10.0
51.	Mesin Taip	10	10.0
52.	Water Dispenser	8	12.5
53.	Brailer	5	20.0
54.	Unibind	5	20.0
55.	Pemadam Api	5	20.0
55.	Mesin "Comb"/(binding Machine)	8	12.5

Rujukan

Abdul Azim Islahi, **Economic Concept of Ibn Taymiyah**, The Islamic Foundation, Leicester, 1988

Abdul Halim Ramli, Dr Ahmad Che Yaacob (ed.), **Islam Hadhari: Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Wakaf di Malaysia**, UPENA, 2005

Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal (terjemahan Salahuddin Abdullah), **Ensiklopedia Ekonomi Islam**, Jilid 2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997

Habib Ahmed, **Role of Zakat and Awqaf in Property Alleviation**, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, Jeddah, 2004

Institute of Islamic Banking and Insurance, **Anthology of Islamic Banking**, IIBI, London, 2000

Islamic Development Bank, **Special Account Resources Waqf Fund, Financial Statement**, IDB, 2005

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, **Manual Pengurusan Tanah Wakaf**, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Putrajaya, 2006

M. Nejatullah Siddiqi, **Role of the State in the Economy**, The Islamic Foundation, London, 1996

Mahayudin Hj. Yahaya, **Tamadun Islam**, Penerbit Fajar Bakti, Shah Alam, 1999

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), **MUIS Annual Report 2003**, MUIS.

Mohd Zain b. Haji Othman, **Islamic Law with Special Reference to the Institution of Waqf**, Prime Minister Department of Religious Affairs Division, Kuala Lumpur, 1982

Muhammad Kamal 'Atiyah (terj. Mohd Ghazali Abdul Wahid), **Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Sistem Islam**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992